

UMP anjur larian amal bantu pelajar

KUANTAN 20 Sept. - Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan larian amal UMP Splash Run 2016 sebagai usaha mengumpul dana bagi Tabung MyGift untuk kebajikan pelajar, Sabtu ini.

Penganjuran larian amal itu merupakan sebahagian inisiatif MyGift dalam usaha menjadi universiti komuniti sekali gus mendapatkan sumbangan endowmen untuk keperluan pelajar berprestasi tinggi yang memerlukan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, larian dijadualkan bermula pada pukul 7 pagi di kampus Gambang itu membabitkan 1,000 penyertaan yang ter-

diri daripada mahasiswa, badan korporat dan komuniti setempat.

"Penganjuran kali pertama ini diharap mendapat sambutan yang baik kerana hasrat utama kita adalah untuk mencari dana bagi mengisytiharkan Tabung MyGift.

"Sasaran kutipan adalah sebanyak RM40 juta menjelang 2020 dan sehingga kini sebanyak RM8 juta telah berjaya dikumpulkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, menurut Yuserrie, usaha

yang digerakkan bagi mengisi Tabung MyGift telah menampilkan hasil terutama dengan sinergi semua pihak di UMP dan komitmen pemberi sumbangan atau dermawan seperti program Kongsi Rezeki, Food For All, kupon makanan dan pengagihan zakat.



YUSERRIE ZAINUDDIN

"JHEPA dengan kerjasama ka-feteria universiti juga mengadakan Program Kongsi Rezeki dalam menyediakan pek makanan untuk diagihkan kepada para pelajar UMP di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan khususnya bagi mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan kritikal.

"Sepuluh jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Basiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan dan Endowmen Kecemerlangan. Lain-lainnya adalah Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah," jelasnya.

Tambahnya, Tabung MyGift diperkenalkan pertengahan tahun lalu sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen universiti.